

# UMP, IUKL meterai MoU



*Prof Daing Nasir (dua dari kiri) meneliti kandungan MoU bersama-sama Prof Roslan (dua dari kanan).*

**Kuantan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya memeterai perjanjian persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dalam bidang akademik dengan Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata pihaknya mengalu-alukan jalinan kerjasama itu sejajar usaha melahirkan pelajar berkemahiran tinggi yang memenuhi permintaan sektor pekerjaan.

Beliau berkata, pemeteraian MoU itu akan membuka peluang kepada pelajar di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) untuk menimba ilmu di IUKL yang dilengkapi pelbagai

kemudahan moden bertaraf antarabangsa.

"Kepakaran tenaga pengajar di IUKL juga diharap menjadi pencetus kejayaan yang lebih membanggakan dalam kalangan pelajar UMP, sekali gus muncul sebagai tenaga mahir bertaraf antarabangsa.

"Saya gembira IUKL begitu komited untuk menjadikan UMP sebagai rakan kerjasama yang akan memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak," katanya pada majlis pemeteraian MoU itu di sini.

Bagi menambah jumlah pelajar Prof Daing Nasir berkata, pihaknya akan terus berusaha menjalinkan kerjasama dengan beberapa universiti tempatan dan luar negara bagi meletak-

kan pelajar UMP pada taraf antarabangsa.

Sementara itu, Presiden dan Naib Canselor IUKL, Prof Dr Roslan Zainal Abidin, berkata kerjasama dengan UMP akan meningkatkan jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan berkaitan kimia, binaan dan tanah.

"Ketika ini, ada kira-kira 2,000 pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian di IUKL dalam pelbagai bidang dengan kebanyakannya mengikuti program kejuruteraan.

"Kita menyediakan pelbagai peluang pembelajaran untuk memastikan lulusan IUKL berada pada kedudukan tersendiri, seterusnya mengisi jawatan dalam sektor awam dan swasta," katanya.